

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memuji cita-cita dakwah Yayasan Darul Arqam untuk menegakkan Islam sebagai satu cara hidup.

Menurut Pemangku Perdana Menteri, cita-cita Yayasan Darul Arqam adalah baik dan mesti diberikan perhatian, demikian akhbar bulanan terbaru Al-Arqam melaporkan.

Berita utama yang tersiar di muka depan akhbar Al-Arqam itu menyebut, sebelum ini, Datuk Seri Dr. Mahathir mencurigai kegiatan Darul Arqam kerana mendengar berbagai penerangan yang berbeza.

Tapi setelah mendengar penerangan dari satu rombongan Al-Arqam pimpinan Ustaz Ashaari Mohamad dalam pertemuan di Pejabat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan rasa puashatinya.

Beliau memuji yayasan itu tidak hanya menumpukan kegiatan akhirat semata tapi turut maju di bidang duniawi.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, akhbar itu menambah, jika kegiatan dakwah hanya menumpukan hal akhirat tanpa mepedulikan kemajuan duniawi hingga boleh memecah-belahkan paduan ummah, ia boleh merugikan umat Islam dan bertentangan dengan dasar Kerajaan.

Ustaz Ashaari menjelaskan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa apa sebenarnya dilakukan oleh pihak Al-Arqam semata-mata mengajak masyarakat memahami Islam dengan baik berdasarkan Al-Quran dan Sunnah.

"Kami cuba mengembelikan kekuatan umat Islam melalui agama yang ada hubungannya dengan Allah Subhanahu Wataalah, manusia dengan manusia serta manusia dengan alam sejagat," jelas Ustaz Ashaari.

Dengan demikian, jelas Ustaz Ashaari kepada Datuk Seri Dr. Mahathir, kita akan berjaya mengatasi kekuatan semua tenaga yang ada dalam menyelesaikan

Cita2 Darul Arqam baik — Dr.M



DATUK SERI DR. MAHATHIR

beberapa masalah dan kesulitan yang timbul dari sikap tidak amanah serta sifat-sifat lain yang merugikan masyarakat Islam.

"Kami mengajak keluarga kami terlebih dahulu menghayati Islam dan kemudiannya mengajak masyarakat dengan hikmah serta penuh kasih sayang.

"Tidak pernah secara paksa kerana paksaan bukan dari ajaran Islam kecuali sesuatu yang sudah merupakan arahan Allah untuk

orang-orang yang telah beriman," tegas Ustaz Ashaari.

Mengenai dakwah yang kononnya hanya mementingkan hal-hal duniawi, pengetua Sekolah Yayasan Arqam, Ustaz Mokhtar yang turut serta dalam rombongan itu menerangkan:

"Sistem pelajaran yang terdapat di Yayasan Arqam tidak semata-mata menitik beratkan soal ibadah, bahkan pelajaran akademik seperti yang diajar sekolah-sekolah biasa juga diajarkan.

"Pihak kami juga turut bergiat di bidang perniagaan seperti perusahaannya membuat bahan-bahan makanan Islam, bertani, berternak dan lain-lain.

"Bahkan kami mempunyai sebuah klinik rawatan pesakit dan bersalin. Kami bercita-cita menegakkan Hospital Islam dan sedang melatih beberapa doktor di bidang perubatan."